

# Gadis bisu dirogol ketika tunggu rakan

## Mangsa dari Johor diperdaya ke tepi hutan

Oleh Hamid Salleh  
bhkt@bharian.com.my

**K**UALA TERENGGANU: Hasrat seorang gadis bisu dari Johor untuk bertemu rakan perempuannya di Kuala Terengganu menjadi bertukar menjadi 'sejarah hitam' apabila dia dirogol seorang lelaki tidak dikenali di tepi kawasan hutan berhampiran Kampung Pusu Tiga di sini, pagi Ahad lalu.

Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu, Asisten Komisioner Zamri Shamsuddin, berkata mangsa datang ke Kuala Terengganu dari Johor untuk bertemu rakan perempuannya yang juga bisu dan tiba di perhentian bas Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) kira-kira jam 5 pagi.

Katanya, mangsa yang tertidur di perhentian bas itu kemudian berjumpa dengan seorang lelaki yang kemudian mempelawa mangsa bersiar-siar di bandar raya ini dengan menaiki

motosikal ditunggang suspek.

Zamri berkata, suspek kemudian membawa mangsa ke tepi hutan berhampiran Taman Desa Pusu Tiga, dekat Gong Badak dan memberhentikan motosikal kemudian mengugut dan mencekik leher mangsa sebelum merogolnya kira-kira jam 10 pagi.

Katanya, mangsa kemudian ditinggalkan di kawasan itu seorang diri dan gadis bisu itu meminta bantuan

**“Mangsa yang tertidur di perhentian bas itu kemudian berjumpa dengan lelaki yang mempelawanya bersiar-siar dengan menaiki motosikal”**

**Zamri Shamsuddin**  
Ketua Polis Daerah  
Kuala Terengganu

daripada seorang penduduk di taman berkenaan sebelum diserahkan kepada polis.

Beliau berkata, mangsa yang bisu meminta bantuan penduduk yang lalu lalang di kawasan itu menggunakan bahasa isyarat untuk menghubungi bapanya yang tinggal di Taman Perling, Johor Bahru bagi memaklumkan kejadian.

Zamri berkata, bapa mangsa yang berusia 56 tahun tiba di bandar ini pagi kelmarin dan membuat laporan polis, kira-kira jam 11.30 pagi.

Katanya, mangsa dihantar ke Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) untuk pemeriksaan lanjut.

Zamri meminta orang ramai yang berada di kawasan perhentian bas MBKT melihat seorang lelaki membongceng mangsa pada pagi Ahad lalu supaya memberi maklumat ke Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Terengganu di talian 09-6246222 bagi membantu siasatan.